

SEJARAH PAS DI KELANTAN 1953 — 1959*

oleh

PARIDAH ALI

Dalam perbincangan mengenai sejarah perkembangan PAS di Kelantan antara 1953-1959 perlu juga kita melihat sekali imbas apakah PAS dapat memenuhi kriteria sebagai sebuah partai politik. Apa yang dimaksudkan dengan kriteria disini ialah perwujudan parti sebagai satu organisasi yang didokong oleh beberapa orang tokoh yang mempunyai idea dan cita-cita yang sama. Dalam konteks ini dapat dirasakan bahawa PAS dapat memenuhi apa yang digambar, keadaan ini wujud adalah lantaran kelahiran PAS dan perwujudannya sebagai sebuah parti politik adalah merupakan sebuah parti yang mempunyai ideologi dan pandangan yang tersendiri. Pandangan dan ideologi ini didukung oleh sebulungan pemimpin yang mempunyai kesedaran bersama dalam memperjuangkan perwujudan PAS dalam arena politik tanahair. Kelahiran PAS juga merupakan satu lagi detik sejarah tanahair yang dapat menggambarkan kepada kita bahawa politik tanahair telah selangkah lagi maju kedepan dalam menjalani proses perkembangan politik yang didukung oleh bumiputra sendiri. Disamping itu ia membayangkan juga betapa bumiputra telah bisa mencapai kematangan politik yang bermakna sebagai ekoran dari kematangan yang beransur-ansur dari peringkat awal lagi. Untuk melihat dan menilai keadaan ini maka kita perlu melihat PAS dalam sejarah perkembangan politik tanahair sebagai sebuah parti yang boleh dikatakan berpengaruh dan dikenali masyarakat. Dalam hal ini aspek yang ditekankan ialah mengenai asal usul parti, penubuhan dan perkembangan awal di Kelantan, bagaimana PAS menghadapi Pilihanraya 1955 dan 1959, disamping membincangkan juga sambutan masyarakat Kelantan terhadap PAS.

Asal Usul Parti

“Hasil daripada perjumpaan alim ulama yang dilangsungkan di Butterworth Sabtu 24 November 1951, maka sebuah parti politik yang bernama ‘Persatuan Islam Se Malaya’ telah muncul.”¹ Walau bagaimanapun kita harus menoleh seketika kebelakang melihat apakah susur galur perkembangan awal yang membawa kepada perwujudan ini. Dalam konteks ini kita dapat melihat wujudnya perkaitan dan pertalian dengan Parti Kebangsaan Melayu SeMalaya. Parti ini telah pun membentuk satu badan yang menguruskan hal-hal keagamaan. Bahagian ini mula aktif ditahun 1940an. Pada Mac 1947 kita dapati bahagian ini turut mengambil bahagian menjayakan satu Kongres Islam yang diadakan di Gunung Semanggul. Inisiatif ini lahir adalah untuk tujuan,

* Makalah ini adalah merupakan Bab II, dari Latihan Ilmiah yang dikemukakan kepada Jabatan Sejarah, UKM, Sessi 1974/75, bertajuk, “Sejarah Awal Perkembangan Parti Islam Se Malaya (PAS) Di Kelantan (1953-1959)”. Makalah ini telah disesuaikan untuk diterbitkan disini — Pengarang.

¹ *Utusan Melayu*, 29 November, 1951.

meluaskan pengajaran agama dan berusaha dalam rancangan susunan ekonomi, untuk memajukan dan mempertinggikan rancangan susunan ekonomi bangsa dan negara yang hampir lenyap ketangan orang-orang asing.²

Ekoran dari cita-cita inilah maka pada hari "Sabtu 22 Mac 1947, maka hadirilah seramai kira-kira 2,000 orang yang terdiri dari alim ulama dan cerdik pandai hampir meliputi seluruh Tanah Melayu dan alim ulamak yang berkelulusan sekolah-sekolah tinggi Mesir, Arab, India dan Indonesia."³ Akhirnya Kongres telah ber-setuju untuk menubuhkan 'Majlis Ugama Tertinggi Se Malaya' (MATA), dimana tujuan utama Majlis ini adalah untuk mengasingkan hal-hal mengenai Ugama Islam dari dikawal oleh mana-mana pihak. Dan dalam mesyuarat yang sama telah ditubuhkan satu badan yang diberi nama Pusat Perekonomian Melayu Se Malaya atau ringkasnya (PERPEMAS) yang merupakan satu badan yang akan mengawas aspek-aspek yang berbentuk ekonomi di Tanah Melayu. MATA pula adalah berharap "untuk mengambil alih kuasa agama dari mereka yang mengendalikan ketika itu dimana surat permohonan kuasa telahpun diedarkan."⁴ Walau bagaimanapun kita dapati MATA tidak dapat menghindarkan diri dari turut bergiat dalam pergolakan politik tanahair. Lantaran ugama Islam itu sendiri adalah satu kesatuan yang mengandungi politik, ditambah pula ketika itu ugama dan politik tidak terpisah. Ini menjadikan jiwa politik orang-orang Melayu dan perjuangan bangsa Melayu di masa itu disalurkan jua melalui konsep-konsep keugamaan.

Akibat dari keadaan ini maka tidak hairanlah kalau dalam "Conference Kedua MATA yang diadakan di Gunung Semanggul telah membuahkan pembentukan sebuah parti politik Islam yang merupakan satu agenda yang turut dibincangkan."⁵ Ini merupakan satu kemungkinan yang seharusnya wujud pada pemikiran orang-orang yang giat dalam pergerakan politik tanahair yang juga ingin mempunyai satu badan politik yang seakan-akan sama dengan Masjumi untuk kepentingan ugama Islam dan penganutnya sebagaimana yang wujud di Indonesia. Di Tanah Melayu idea dan "niat peniruan yang demikian telah lama dicetuskan oleh pehak MATA dan hingga awal tahun 1948 barulah kesanggupan mereka mulai diyakinkan akibat dari sokongan yang diterima dari MATA dan suasana politik masa itu."⁶ Dihari kedua Conference, hasil dari cadangan Ustaz Abu Bakar Al-Bakhir⁷ dan sokongan dari Dr. Burhanuddin⁸ maka lahirlah sebuah parti politik orang-

2 *Majlis*, 7 Mac 1947, h. 4.

3 *Utusan Melayu*, 30 Jun 1947, h. 2.

4 Nabir bin Haji Abdullah, "Maahad Ihya Assyariff Gunung Semanggul 1934-1959," Latihan Ilmiah untuk memenuhi syarat Sarjana Muda Sastera dengan Kejujiaan Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973, h. 176.

5 *Utusan Melayu*, 24 Februari 1948.

6 Nabir Haji Abdullah, *op. cit.*, h. 208.

7 Ustaz Abu Bakar Al-Bakhir ialah Pengetua Maahad Il Ihy Assyariff Gunung Semanggul Perak. Beliau menjadi Pengetua di Il Ihy Assyariff sejak ditubuhkan 1934 hingga keakhir hayatnya. Dan beliau juga menjadi Pengerusi Persatuan Il-Ihya Assyariff yang ditubuhkan tahun 1936. Beliau juga merupakan seorang penganjur Kongres Rakyat yang diadakan pada tahun 1947 yang telah melahirkan Hisbul Muslimin dimana beliau dilantik menjadi Yang Di Pertua parti sehingga parti itu lenyap akibat dharurat.

8 Dr. Burhanuddin dilahirkan di Kota Bharu Perak 1911, merupakan seorang pejuang nasionalis yang dikenali dalam sejarah tanahair. Beliau menjadi Presiden MNP pada 1946, dan pada akhir 1955 menjadi Presiden PAS seluruh Malaysia.

orang Islam Tanah Melayu yang dikenali Hisbul Muslimin (HAMIM). Pembentukan HAMIM adalah merupakan,

Peristiwa asas pembentukan Parti Islam dalam sejarah perkembangan politik negara yang lahir dari kongres rakyat yang diadakan di Il Ihya Assyariff Gunung Semangul.⁹

Hisbul Muslimin adalah bertujuan untuk menginsafkan umat Islam Malaya dalam kesedaran politik dan ikatan Islam dalam satu ideologi untuk melaksanakan kebebasan mencipta, bersidang, berfikir dan mengeluarkan fikiran untuk membangunkan sekolah rakyat, mengadakan pelajaran yang selaras dengan tuntutan zaman dan memperbaiki akhlak bangsa Melayu dan menyusun penghidupan bangsa berdasarkan Islam.¹⁰ Pucuk pimpinan utama parti ini dipegang oleh 'Ustaz Abu Bakar Al-Bakhr sebagai Yang DiPertua, sementara Haji Ariffin bin Haji Alias sebagai Naib Yang Di Pertua.¹¹ Walau bagaimanapun parti politik ini akhirnya beku dan lenyap bila timbulnya Dharurat yang tidak memungkinkan untuk kesatuan bergerak lagi dan banyak pemimpin ditangkap termasuk Ustaz Abu Bakar Al-Bakhr sendiri. Sejak dari tarikh itu, medan politik Islam di Tanah Melayu mulai kabur dan tidak ada lagi parti politik yang berbentuk dan berideologi Islam sehinggalah penubuhan PAS pada 1951.

Lahirnya PAS sendiri ada mempunyai perkaitan dan pertalian dengan UMNO. Keadaan ini dapat dilihat dimana dalam UMNO sendiri telah diwujudkan satu badan ulamak yang bertanggungjawab tentang hal-hal ugama Islam. Bahagian ini diketuai oleh Haji Muhammad Fuad, seorang tokoh terkenal masa itu. Namun kita dapati bahagian ini tidak bersedia menjadi alat partinya sendiri sebagai sebuah parti nasional.¹² Disamping itu wujud juga gambaran bahawa 'Mesyuarat Persatuan Ulamak dibawah UMNO, sebuah parti politik, sudah terang menunjukkan bahawa kaum ulamak di Malaya belum sanggup berdiri sendiri.¹³ Akibat dari keadaan inilah maka timbul inisiatif untuk membentuk sebuah parti politik yang bercorak Islam sebagaimana yang dulunya diperjuangkan oleh Hisbul Muslimin. "Tuan Haji Muhammad Fuad yang dilantik menjadi Yang Dipertuan Agung PAS masa itu ialah seorang ahli Jawatankuasa Kerja UMNO."¹⁴ Kelahiran PAS ini juga dapat dikatakan ekoran dari kelahiran Hisbul Muslimin kerana apa yang diperjuangkan oleh PAS adalah juga merupakan sesuatu yang diperjuangkan oleh Hisbul Muslimin sebelumnya. Disamping itu telah disimpulkan juga bahawa,

PAS telah mewarisi tiga ideologi politik tradisional iaitu tradisi sosialis dari Malay National Party, tradisi modernisasi Islam yang dibawa oleh Hisbul Muslimin dan tradisi perjuangan badan-badan anti UMNO ditahun 1950an'.¹⁵

⁹ Temuramah dengan Dato' Asri Haji Muda dirumahnya pada 23 June 1974.

¹⁰ *Utusan Melayu*, 17 Mac 1948, h. 1.

¹¹ Temuramah dengan Dato Asri Haji Muda.

¹² Temuramah dengan Ustaz Khaidir Khatib di Pejabat Setiausaha Kelantan, Kota Bharu pada 12 May, 1974.

¹³ *Utusan Melayu*, 30 Oktober 1951.

¹⁴ *Utusan Melayu*, 29 November 1951.

¹⁵ N.J. Funston, "Malay Politic in Malaysia, 1945-1969, A Case Study of the United Malay National Organisation and the Pan-Malayan Islamic Party." Thesis submitted in partial fulfilment of the requirement for Master of Art Monash University 1973, h. 173.

Kelahiran dan Perkembangan PAS di Kelantan

Adalah merupakan satu kenyataan bahawa kesan pertama dari kelahiran PAS ialah untuk mendapatkan kepercayaan orang ramai terhadap parti itu. Dalam hal ini diperingkat awal kita dapati orang ramai tidak menyokong PAS dalam ertikata yang sebenarnya, dan untuk ini adalah mustahak PAS mengambil perhatian yang berat menentukan sikap dan memberi penerangan yang jelas bagaimana ia akan mendapatkan kesan-kesan yang timbul. Sebagai sebuah parti PAS mula berikhtiar untuk mendapat sokongan rakyat demi memperkembangkan parti. Pemimpin PAS mula menjalankan kegiatan-kegiatan untuk memperkenalkan PAS pada rakyat diseluruh tanahair. Sehingga 15 Julai, 1953,

PAS telah mempunyai 20 cawangan di Semenanjung Tanah Melayu sebagaimana yang diterangkan oleh Ibu Pejabat PAS di Butterworth. Dan pada hari ini cawangan Joho! Negeri Sembilan, Tanjung Karang, dan Pasir Mas Kelantan telah ditubuhkan.¹⁶

Gambaran yang dijelaskan kepada kita disini ialah Pasir Mas merupakan cawangan PAS yang pertama ditubuhkan di Kelantan dan Pasir Mas kemudiannya telah menjadi kubu PAS bagi Seluruh Kelantan.

Kenyataan ini disokong pula Dato' Asri yang telah menyuarakan pengetahuan sejarahnya sebagai seorang tokoh yang aktif bergiat dalam PAS. 'Cawangan PAS yang pertama ditubuhkan di Kelantan ialah di Pasir Mas yang pada mulanya diusahakan oleh saudara Amalluddin Darus, diikuti dengan penyertaan beberapa orang tokoh lain yang mula berminat dalam PAS'.¹⁷ Mengikut Amalluddin Darus sendiri beliau telah mula tertarik pada PAS sejak dari awal penubuhan PAS. Sejak dari itu beliau mula meninjau-ninjau pendapat kawan-kawan disamping mula mencari kawan-kawan yang sefahaman dengan beliau terhadap perjuangan PAS.¹⁸ Pada mulanya, iaitu ditahun 1952, beliau pergi ke Pasir Mas adalah untuk menjalankan tugas sebagai seorang anggota bomba. Dimasa inilah beliau mula bergiat dalam usahanya untuk menubuhkan cawangan PAS di Pasir Mas dan peringkat pertama kegiatan beliau ialah untuk berkenalan dengan masyarakat di Pasir Mas dan cuba mencari kawan-kawan yang sealiran. Dalam usaha ini beliau telah mula berkenalan dan mendapat kawan yang sealiran pendapat dengan beliau seperti Ahmad Yatim, dan Mohammad Noor Haji Senik yang kemudiannya menjadi tokoh yang turut bergiat sama dalam melahirkan PAS Pasir Mas.¹⁹

Sejak itu mereka mula menjalankan kegiatan untuk memperkenalkan PAS kepada masyarakat. Disamping itu berita-berita kegiatan PAS di tanahair telah merupakan pengaruh-pengaruh utama pada pendukung-pendukung ini. Dengan mengikuti perkembangan perjuangan PAS pendukung ini mendapat tahu bahawa Jawatan Naib Yang Dipertua Agong masa itu dipegang oleh Allahyarham Haji Husain Encik Dol. Sebagai satu langkah yang lebih positif cadangan telah dilahirkan untuk menjemput Allahyarham Haji Husain datang membuat ucapan di Pasir Mas. Beliau pada mulanya telah memberi kesanggupan untuk datang

¹⁶ *Utusan Malaysia*, 15 July 1953.

¹⁷ Temuramah dengan Dato' Asri Haji Muda.

¹⁸ Temuramah dengan Senator Amalluddin Darus di ABAD Enterprise Kuala Lumpur pada 11 July, 1974.

¹⁹ *Ibid.*

tetapi apabila sampai pada hari yang ditetapkan beliau tidak datang.²⁰ Walau bagaimanapun sesudah mesyuarat Agung PAS yang kedua diadakan di Kepala Batas gulungan yang muncul ini telah membuat keputusan untuk mendaftarkan diri sebagai ahli PAS.

Sebagai langkah pertama untuk memenuhi hasrat dan cita-cita ini "Amalluddin Darus sendiri pada December 1952 telah mengutus surat kepada Ibu Pejabat Agung PAS meminta undang-undang tubuh PAS dan borang menjadi ahli. Hasrat ini tertunai apabila beliau telah dikirim dengan undang-undang tubuh dan borang menjadi ahli."²¹ Akhirnya ekoran dari ini telah melahirkan beberapa orang ahli PAS di Kelantan pada peringkat awalnya. Mereka inilah yang menjadi penggerak dalam memperkenalkan PAS pada masyarakat di Pasir MAS khususnya dimasa itu. Kegiatan pertama ialah mencari penyokong-penyokong untuk menambahkan ahli keperingkat yang akan membolehkan dibentuk sebuah cawangan PAS di Pasir Mas. Amalluddin sendiri dengan sokongan beberapa orang kawannya seperti Ahmad Yatim dan Mohd. Nor Haji Senik mula bergiat menjalankan kegiatan penerangan yang secara tidak langsung dan secara senyap-senyap di peringkat awalnya. Ini dilakukan dengan bercakap-cakap secara tidak langsung dirumah-rumah dan dikedai kopi sambil minum-minum kopi. Dari sini idea-idea perjuangan PAS diperkenalkan dari seorang individu kepada seorang individu lain. Secara beransur-ansur idea-idea PAS diperkenalkan pada masyarakat di Pasir Mas. Akhirnya usaha-usaha yang gigih dari pengasas pertama ini telah dapat mengumpulkan lebih kurang 60 orang ahli PAS di Pasir MAS yang akhirnya telah bersetuju untuk menubuhkan cawangan Pasir Mas. Cawangan ini wujud setelah diadakan 'mesyuarat penubuhan di Masjid Pasir Mas dengan melantik Omar bin Yussof sebagai Yang di Pertua dan Amalluddin sendiri sebagai Setiausaha cawangan Pasir Mas.²²

Sejak tarikh ini idea-idea PAS telah mula menular kejiwa masyarakat Kelantan bukan sahaja di Pasir Mas tapi juga kejajahan lain. Ada diantara mereka yang berminat pada PAS didaerah-daerah lain disekitar Kelantan telah mula datang ke Pasir Mas untuk mendapatkan penerangan-penerangan untuk menubuhkan cawangan PAS ditempat-tempat lain. Salah seorang tokoh yang begitu berminat yang telah mula menunjukkan perhatian beliau ialah Haji Noor bin Haji Yussof²³ dari jajahan Macang yang telah datang menemui Amalluddin Darus untuk merancang penubuhan PAS cawangan Macang. Akhirnya atas inisiatif tokoh ini PAS cawangan Macang telah ditubuhkan pada 21 September 1953 dalam satu perjumpaan yang diadakan di Bangunan Madrasah Wataniah Macang²⁴ yang merupakan sebuah sekolah agama di Macang yang boleh dikatakan menjadi pusat

²⁰ *Ibid.*

²¹ *Ibid.*

²² *Ibid.*

²³ Haji Noor Haji Yussof ialah seorang tokoh dan pengasas PAS Kelantan dilahirkan di Macang Kelantan, beliau terkenal sebagai seorang yang giat berkecimpung dalam gerakan politik tanahair. Beliau telah menubuhkan PAS cawangan Macang dalam tahun 1953 dan memimpin cawangan itu sejak ditubuhkan sehinggalah beliau dilantik menjadi Pesuruhjaya PAS Negeri Kelantan 1968.

²⁴ *Lapuran Setia Usaha cawangan Macang 1957*, dalam fail Bil. 5 dalam PAS K/S 11/57.

kegiatan PAS lantaran guru-guru disitu juga kebanyakannya menyokong PAS. Dalam perjumpaan penubuhan ini pegawai-pegawai yang dilantik ialah: Yang Di Pertua Ustaz Ibrahim Muhammad, Setiausaha Ustaz Haji Mohammad Daud, Penolong Setiausaha Wan Ismail dan Bendahari Ustaz Salleh Zaki.²⁵ Dengan ini lahirlah cawangan PAS yang kedua di Kelantan yang telah menggambarkan kepada kita pengaruh-pengaruh PAS sudah mulai bertapak di Kelantan yang merupakan asas perkembangan dan kepesatan PAS seterusnya. Walau bagaimanapun dalam usaha penubuhan cawangan PAS di Macang ini sebagaimana yang diterangkan oleh Haji Mohammad Noor sendiri menghadapi banyak masalah, lebih-lebih lagi untuk mendapatkan bilangan 50 orang ahli. Beliau telah berusaha pergi mencari ahli pemerata-rata daerah dengan menaiki basikal, berperahu dan kadang-kadang berjalan kaki.²⁶ Namun akhirnya usaha gigih ini telah berjaya mewujudkan cawangan PAS di Macang yang tidak kurang aktifnya dalam perjuangan PAS di Kelantan.

Pernah dikatakan juga bahawa kedua-dua cawangan yang mula-mula muncul ini iaitu Pasir Mas dan Macang adalah merupakan cawangan yang bergiat memperkembangkan PAS keseluruh Kelantan.²⁷ Sehingga tahun-tahun 1954 keadaan perkembangan semakin bertambah lagi dimana dua cawangan lagi iaitu cawangan Kota Bharu dan Pasir Puteh ditubuhkan. Keadaan ini bertambah hebat lagi dengan kepulangan Dato' Asri pada 1954 yang dulunya bertugas sebagai guru disebuah sekolah agama di Kuala Kangsar selepas tiga tahun menjadi guru di Il Ihya Assyariff. Sekembalinya beliau ke Kelantan beliau telah menjawat jawatan Pesuruhjaya PAS bagi Kelantan dan Trengganu. Turut bersama beliau untuk memperkembangkan PAS di Kelantan masa itu ialah Othman Abdullah yang menjadi Ketua Pemuda PAS. 'Kedatangan Dato' Asri dan Othman Abdullah ini telah memesatkan lagi perkembangan PAS dicawangan Pasir Mas sendiri disamping berusaha untuk mewujudkan cawangan-cawangan lain.²⁸ Rapat-rapat umum telah diadakan di Pasir Mas dan diikuti dengan rapat umum ditempat-tempat lain. Dan hasil dari kegiatan inilah cawangan Kota Baharu pula ditubuhkan pada 18hb. November 1954 dan di Kota Bharu ini Dato' Asri mendapat sokongan dari Haji Mohammad Daud Salleh, Ishak Lotfi Omar dan Haji Abdul Rahman Awang Sulong. Ditahun ini juga, iaitu bertarikh pada 1hb. Oktober 1954, PAS cawangan Pasir Puteh telah ditubuhkan dalam satu mesyuarat yang dihadiri oleh Dato' Asri sendiri dan Mohammad Daud Haji Salleh dan Omar bin Yussof dengan melantik Encik Omar bin Yussof sebagai Yang Di Pertua PAS cawangan Pasir Puteh.²⁹ Sementara itu ditubuhkan pula cawangan PAS Tanah Merah. Mengikut Amaluddin Darus ini dilahirkan oleh seorang yang bernama Encik Husain Othman yang telah menulis surat kepada beliau untuk menjadi ahli PAS. Hasil dari inisiatif ini satu penerangan PAS telah diadakan dimasjid Tanah Merah dengan kebesaran Imam masjid itu sendiri dan hasilnya telah mewujudkan cawangan PAS

²⁵ *Utusan Melayu*, September 1953.

²⁶ Temuramah dengan Haji Noor bin Haji Yusoff di Pejabat PAS Macang pada 18 May, 1974.

²⁷ Temuramah dengan Dato' Asri Haji Muda.

²⁸ Temuramah dengan Amaluddin Darus.

²⁹ *Laporan Cawang Pasir Puteh*, dalam Fail Bil. 3 dalam PAS P.P. 14/54.

di Tanah Merah.³⁰ Tiga tahun kemudian telah lahir pula PAS cawangan Bacok yang ditubuhkan pada 1hb. Mac 1957 dalam satu mesyuarat yang dihadiri oleh Dato' Asri, Khaidir Khatib dan Amalluddin Darus.³¹

Sejak dari tertubuhnya cawangan-cawangan dimerata-rata daerah ini membuat kedudukan PAS di Kelantan bertambah kukuh. Kegiatan yang lebih bermakna lagi dijalankan, serta diwujudkan oleh cawangan PAS itu, dalam ertikata untuk memperluaskan lagi pengaruh dan sokongan terhadap PAS. Daripada cawangan-cawangan ini ditubuhkan pula ranting-ranting yang akan menambahkan lagi kepastian perkembangan PAS di Kelantan ditahun 1954 dan tahun-tahun berikutnya. Di Pasir Mas sendiri, kegiatan terus diperhebatkan dengan mengadakan ceramah-ceramah dan rapat-rapat umum. Selain daripada itu diadakan juga kempen dari rumah ke rumah untuk terus memperkenalkan PAS kepada masyarakat Kelantan. PAS telah mula mendapat sambutan dari masyarakat Kelantan, lebih-lebih lagi perjuangan yang diselarikan dengan unsur-unsur keagamaan. Selain daripada itu diadakan juga kursus-kursus politik dimana isinya memperkenalkan ideologi dan perjuangan PAS seperti yang pernah diadakan di Kubang Benban, disebuah sekolah agama disitu yang diadakan tiap-tiap minggu sekali.³² Kegiatan dicawangan-cawangan itu adalah merupakan kegiatan yang selaras sebagaimana dicawangan-cawangan lain juga.

PAS cawangan Macang misalnya, sejak ditubuhkan pada 1953, telah mula menunjukkan perkembangannya dan sehingga 1957 cawangan ini telah berjaya menubuhkan enam buah ranting iaitu Kemuning, Baka, Kerella, Temangan, Pangkal Melarat dan Paloh Rawa³³ yang mempunyai ahli seramai 50 orang. Dalam mesyuarat yang diadakan pada 7 November 1954 PAS cawangan Macang telah mendapat pengesahan untuk menuk arkannama cawangan daripada Cawangan Macang kepada Cawangan Kelantan Selatan. Sementara itu PAS Macang telah menyewa sebuah rumah gudang dibandar Macang pada 1958 untuk dijadikan Pejabat PAS Cawangan Macang, untuk lebih menggiatkan lagi kegiatan cawangan ini.

Kegiatan dan perkembangan cawangan ini bertambah hebat dan telah menyuarakan hasrat untuk mengambil bahagian dalam Pilihanraya Persekutuan tahun 1955 dan untuk ini satu Jawatankuasa Pilihanraya telah ditubuhkan pada 7hb. November 1954. Encik Osman bin Mamat dilantik sebagai Pengerusi, Setiausaha Haji Noor Haji Yusoff dan Bendahari Haji Daud Saman. Dalam usaha untuk menghadapi Pilihanraya ini dan disamping memperkembangkan parti, PAS cawangan ini telah mengadakan gerakan-gerakan penerangan ke kampung-kampung. Hasil dari usaha ini sehingga June 1957, PAS Cawangan Macang telah mempunyai seramai 50 orang ahli yang sudah berdaftar dan 220 orang yang belum berdaftar. Pada bulan Mei dan June 1958 Cawangan Macang telah sempat membuat penerangan diempat belas tempat dan hasil dari kegiatan ini PAS mendapat sambutan yang menggalakkan dan telah berjaya menubuhkan ranting-ranting yang baru seperti

30 Temuramah dengan Amalluddin Darus.

31 *Laporan Cawangan Bachok*, Dalam Fail. B.I. 1 PAS Kn. 3/57

32 Temuramah dengan Senator Amalluddin Darus di tempat dan masa yang sama.

33 *Laporan Cawangan Macang*, dalam Fail Bil. 5 dalam PAS K/S 11/57.

di Pulau Condong, Kampung Pek, Kabah, Mata Air dan Mektik.³⁴ Pada tahun 1958 ini juga PAS Macang telah menyusun rancangan mesyuarat agung ranting dan disamping itu sempat pula menubuhkan Dewan Pemuda PAS seperti di Limau Bantu, Paloh Rawa, Pangkal Meleret dan di Baka.³⁵

Bagi cawangan Kota Bharu pula kita dapati dari Penyata Tahunan yang dibentangkan telah menunjukkan sejak cawangan itu ditubuhkan sejak tahun 1954 hingga 1955, ia telah berjaya menubuhkan tujuh buah ranting dengan 90% daripada ablinya berdaftar; manakala hanya 10% yang berdaftar penuh kepada cawangan. Ini adalah berdasarkan perhitungan jumlah ahli yang ada dalam kawasan dimana telah ada ranting. Ranting ini ialah seperti Ranting Beta, Peringat, Padang Kala, Pauh Lima, Tawang, Gunung dan Bandar Kota Bharu.³⁶ Walau bagaimanapun sehingga tahun 1956 tidak banyak kemajuan yang dicapai tentang bertambahnya ahli-ahli; hanya 30% sahaja pertambahan itu. Seperti juga cawangan-cawangan lainnya cawangan Kota Bharu juga telah mengadakan usaha-usaha memberi penerangan kekampung-kampung dan ranting-ranting, dan diantara mereka yang bertungkus lumus untuk memperkembangkan ranting ini ialah Amalluddin Darus, Mohammad Daud Haji Salleh, Mohammad Amin Haji Yaacob dan beberapa orang lagi. Sehingga 1956 PAS Kota Bharu telah dapat menyewa rumah dengan harga \$50.00 sebulan, iaitu, Rumah No. 1441 Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu, untuk dijadikan Pejabat PAS cawangan Kota Bharu.

Sementara itu kita dapati cawangan-cawangan lain agak kurang aktif sedikit perkembangannya kalau dibandingkan dengan cawangan Pasir Mas, Kota Bharu dan Macang. Cawangan Pasir Puteh misalnya, sehingga Julai 1957, hanya dapat menubuhkan tiga buah ranting sahaja iaitu ranting Sungai Kelong, Telipot dan Cerang Ruku.³⁷ Keahliannya hanya lebih kurang 200 orang sahaja, namun sehingga 1957 ahli biasa dan ahli yang sah dalam cawangan hanya 96 orang sahaja. Walau bagaimanapun kegiatan-kegiatan penerangan turut juga diadakan oleh pemimpin-pemimpin tempatan keseluruh kampung-kampung dengan tujuan untuk memperkembangkan parti dan pengaruh PAS. Bagi cawangan Bacok pula yang ditubuhkan pada 1hb. Mac. 1957 adalah bersifat sementara sahaja dan jumlah ahli hanya 53 orang sahaja sehingga tahun 1959.

Dari keadaan ini kita dapat gambaran akan perkembangan awal PAS di Kelantan dalam arena perjuangan politik PAS. Keadaan ini dapat dikatakan sebagai yang pesat juga kalau dilihat dari segi perkembangan cawangan dan ranting-rantingnya. Hingga 1959 cawangan PAS berjumlah enam buah dengan dua puluh ranting. Walau bagaimanapun dalam usaha satu-satu cawangan untuk memperkembangkan cawangan masing-masing wujud juga perbezaan dimana ada cawangan yang lebih aktif dan ada yang agak kurang aktif. Adalah merupakan satu kenyataan bahawa dalam perkembangan ini PAS menghadapi banyak masalah; diperingkat awal kemunculannya kita dapati cawangan-cawangan yang hendak

³⁴ *Penyata Tahunan PAS Cawangan Macang*, Fail Bil. 3 dalam PAS M. 22/58.

³⁵ *Ibid.*

³⁶ *Penyata Tahunan PAS Cawangan Kota Bharu*, dalam Fail PAS KN 16/56 Cawangan Kota Bharu.

³⁷ *Laporan Lengkap Cawangan*, Dalam Fail Bil. 3 PAS P.P. 14/54.

ditubuhkan menghadapi masalah untuk mendapatkan ahli yang akan membolehkan wujudnya satu-satu cawangan itu. Ini mungkin kerana PAS merupakan satu parti yang baru muncul yang belum begitu dikenali rakyat dan juga disebabkan oleh keadaan diwaktu itu sendiri dimana UMNO telah agak kuat bertapak. Jadi rakyat telah mengenali UMNO secara mendalam dan telahpun dapat memenangi hati rakyat Kelantan masa itu. PAS terpaksa berhadapan dengan pengaruh-pengaruh UMNO. Selain daripada itu satu lagi masalah besar yang dihadapi oleh PAS ialah masalah kewangan. Masalah ini sekurang-kurangnya boleh menyekat pergerakan parti kearah yang lebih aktif. Misalnya, pernah dikatakan "dalam perkara kewangan ini PAS Macang sangatlah sulit, dan dalam perjuangan PAS waktu ini dan sebelumnya kewangan diperolehi dari Yang Di Pertua, Bendahari dan Setiausaha sendiri disamping mendapat derma dari ahli-ahli PAS."³⁸ Sementara bagi cawangan Kota Bharu pula kewangan cawangan sentiasa lemah dan hanya ranting bandar sahaja yang tetap memberi bantuan bulanan itupun terlalu sedikit. Sehingga tahun 1956 cawangan Kota Bharu menanggung hutang yang berjumlah \$1634/- yang dipinjam dari orang-orang perseorangan, hutang cetak dan sebagainya.³⁹ Inilah masalah penting yang dihadapi oleh PAS dalam perkembangan peringkat awal di Kelantan, dan seperti yang diterangkan dalam keadaan sementara untuk mengatasi masalah ini pemimpin-pemimpin terpaksa mengeluarkan ongkos dari saku mereka sendiri demi menjayakan PAS..

Walau bagaimanapun keaktifan PAS terus berjalan meskipun dalam keadaan yang kurang licin. PAS telah menunjukkan kejayaan dan kebolehan berdiri sebagai sebuah parti dengan turut mengambil bahagian dalam Pilihanraya 1955 dan 1959. Keadaan ini membuktikan perkembangan PAS yang pesat di Kelantan dari 1953-1959, dan dalam tahun 1959 PAS telah memperolehi satu kejayaan yang tidak diduga oleh setengah-setengah pemimpinnya sendiri apabila PAS telah berjaya dalam Pilihanraya tersebut sedangkan ia sebenarnya belum bersedia untuk memerintah sebuah negeri seperti Kelantan.

PAS Menghadapi Pilihanraya 1955 dan 1959

Walaupun umur perjuangan PAS Kelantan baru berusia tiga tahun dimasa Pilihanraya Persekutuan 1955, namun PAS telah tampil dalam Pilihanraya itu. Ini membuktikan satu lagi kemajuan perjuangan PAS. Dalam satu Kongres yang diadakan di Titi Serong usul penyertaan PAS Kelantan dalam Pilihanraya itu telah diterima.⁴⁰ Bagi PAS penyertaan dalam Pilihanraya ini adalah dengan harapan mempercepatkan langkah-langkah kemerdekaan sebagaimana yang diperjuangkan oleh UMNO masa itu. Dalam Pilihanraya itu kita dapati wakil-wakil PAS yang bertanding ialah dari kawasan Kelantan Selatan yang diwakili oleh Haji Noor Haji Yussof, Pasir Mas diwakili oleh Haji Mokhtar dan Bacok yang diwakili oleh Dato' Asri Haji Muda.⁴¹ Dalam menghadapi Pilihanraya ini PAS telah menghebatkan kempen dengan mengadakan penerangan dan ceramah-ceramah secara resmi dan tidak resmi. Walau bagaimanapun dalam peringkat

³⁸ *Laporan Cawangan Macang*, dalam Fail Bil. 3 dalam PAS M. 22/58.

³⁹ *Penyata Tahunan PAS Cawangan Kota Bharu 1955-1956*, dalam Fail PAS KN 16/56 Cawangan Kota Bharu.

⁴⁰ Temuramah dengan Haji Noor bin Haji Yussof.

⁴¹ *Majlis*, Julai 1955.

pertama perjuangan PAS dalam memasuki Pilihanraya 1955 itu, ia telah menerima kekalahan disemua kawasan yang ia turut bertanding. Ini merupakan satu kekalahan teruk yang diterima olehnya.

Kekalahan PAS ini menggambarkan kepada kita bahawa PAS Kelantan masa itu masih mempunyai kelemahan-kelemahan yang tersendiri. Pernah dikatakan "Kegagalan PAS 1955 adalah kerana PAS tidak berjaya menembusi kubu UMNO yang sudah begitu kuat, lebih-lebih lagi rakyat pada masa itu sedang mabuk dengan angin kemerdekaan yang secara kebetulan bersesuaian dengan issue yang dibawa oleh UMNO".⁴² Selain daripada itu kegagalan PAS dalam Pilihanraya 1955 juga "adalah kerana PAS kekurangan organisasi pembangunan yang sampai kekawasan pendalaman dimana kebanyakan daripada pengundi tinggal. Lagipun sebagai sebuah parti yang baru muncul PAS belum lagi berkemampuan meluas dan belum mempunyai rancangan dan organisasi yang teratur. Ini merupakan satu faktor penting mengapa PAS gagal dalam Pilihanraya 1955.⁴³ Disamping itu PAS juga menghadapi masalah disegi kewangan diperingkat awalnya.⁴⁴

Walau bagaimanapun kegagalan ini bukan membawa erti PAS akan terus gagal dan lenyap dari arina politik di Kelantan, malahan kekalahan ini telah menambahkan lagi kegiatan dan usaha-usaha PAS untuk memperkenalkan lagi PAS kepada masyarakat di Kelantan. Sebagaimana yang pernah dikatakan "kegagalan PAS di Kelantan dalam Pilihanraya 1955 membuatkan PAS telah menyusun jentera partinya dengan lebih intensif lagi dengan memperhebatkan lagi usaha-usaha penerangan. PAS telah menyusun dan memperluaskan keahliannya dengan memberi ceramah-ceramah penerangan diranting-ranting dan dicawangan yang diperhebatkan lagi."⁴⁵ Kenyataan ini dapat kita lihat dimana PAS bagi kawasan Kelantan kini sedang giat memberi penerangan-penerangan tentang perjuangannya kepada orang kampung bagi mengembalikan semula kepercayaan orang ramai terhadap PAS setelah kalah dalam Pilihanraya Federal baru-baru ini dan kampung yang dimasuki mereka termasuklah Pasir Mas.⁴⁶ Dan hasil dari kegiatan ini dan lebih-lebih lagi untuk menghadapi Pilihanraya 1959 "PAS Cawangan Pasir Mas hingga Februari 1959 telah berjaya menubuhkan ranting yang keseratus dalam satu perjumpaan yang dihadiri oleh lebih kurang 500 orang baru-baru ini.⁴⁷ Disamping itu usaha-usaha penerangan itu terus dipergiatkan oleh tokoh-tokoh PAS kemerata-merata daerah seperti dicawangan Macang, Tanah Merah dan Pasir Putih. Rombongan penerangan PAS di Kelantan yang diketuai oleh Pesuruhjaya Kelantan telah datang memberi penerangan dibandar Wakaf Baru dan ikut serta dalam penerangan itu ialah Ustaz Hassan Salleh dari Kolej Islam Malaya. Penerangan itu diakhiri dengan persetujuan menubuhkan sebuah cawangan di Tumpat Selatan yang diketuai oleh Wan Yusof bin Wan Mohamad; cawangan

⁴² Temuramah dengan Ustaz Salehuddin Abdullah di Pejabat PAS Kota Bharu pada 14 May, 1974.

⁴³ Clive S. Kessler, "Muslim Identity and Political Behavior in Kelantan," dalam Roff W.R. *Kelantan Religion, Society and Politics in a Malay State*, Oxford Univ. Press, Kuala Lumpur, 1974, ms. 273-310.

⁴⁴ Temuramah dengan Ustaz Khaidir Khatib.

⁴⁵ Temuramah dengan Dato' Asri bin Haji Muda.

⁴⁶ *Utusan Melayu*, Ogos, 1955.

⁴⁷ *Utusan Melayu*, Februari, 1959.

Tumpat Utara telah ditubuhkan lebih dulu dibandar Tumpat dengan diketuai oleh Tuan Hj. Abdullah Latif.⁴⁸ Di samping itu Pegawai Perhubungan PAS Negeri Kelantan telah juga memperhebatkan usaha-usaha penerangan diseluruh Kelantan.⁴⁹ Kegiatan ini dijalankan adalah untuk menghadapi parti-parti lain dalam Pilihanraya 1959.. Kegiatan yang intensif ini telah membawa kepada kejayaan yang tidak diduga oleh PAS Kelantan. PAS telah berjaya membolot 28 daripada 30 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dipertandingkan di dalam Pilihanraya Umum itu.⁵⁰

Dalam konteks kemenangan PAS pada 1959 kita dapat menimbulkan satu persoalan iaitu apakah kejayaannya itu disebabkan oleh rakyat Kelantan telah benar-benar memahami ideoloji Islam yang dibawa oleh PAS ataupun sokongan ikutan sahaja. Dalam hal ini kita dapati masyarakat sedikit sebanyak telah dapat mengenali apa yang diperjuangkan oleh PAS yang memang bersesuaian dengan jiwa masyarakat Kelantan sendiri yang terdiri dari orang-orang Islam yang mempunyai tradisi kepercayaan agama yang teguh. Namun demikian ada diantara pemimpin-pemimpin PAS sendiri yang tidak begitu percaya sangat bahawa kemenangan PAS itu disebabkan oleh ideoloji Islam yang telah benar-benar di fahami oleh masyarakat yang menyokong PAS. Tetapi hakikat yang lebih jelas ialah kebencian mereka terhadap UMNO.⁵¹ Juga dikatakan yang kemenangan PAS 1959 adalah disebabkan kesilapan pihak UMNO yang terlalu sangat "over confident" dan tidak sangat melihat kepentingan rakyat setelah berjaya pada tahun 1955.⁵² Keadaan ini juga akibat daripada,

Sikap pemimpin-pemimpin UMNO dan kegagalan pemimpin-pemimpin UMNO memenuhi janji-janji mereka kepada rakyat menyebabkan rakyat telah tertarik untuk menguji PAS.⁵³

Kesilapan-kesilapan UMNO ini dapat kita lihat dikalangan pemimpin-pemimpin UMNO sendiri yang telah menyebabkan adanya perasaan tidak puas-hati anggota-anggota dan pemimpin-pemimpin UMNO terhadap pemimpin-pemimpin atasan kerana krisis-krisis kewangan dan janji-janji kewangan yang tidak ditunaikan dan pemimpin-pemimpin UMNO yang selalu merendahkan orang-orang bawahan.⁵⁴ Sebagai contoh kita dapati,

Setelah wakil rakyat menduduki Majlis Mesyuarat yang dipilih maka tumpuan rakyat adalah kepada mereka yang mana mereka telah memberi jaminan bagi melaksanakan pembinaan jambatan di Sungai Wakaf Sitan dan seorang ahli Majlis Mesyuarat yang dipilih pada masa itu telah memberi jaminan dihadapan Yang Berhormat En. Sardon Menteri Kerja Raya Persekutuan pada masa itu. Diwaktu perjumpaan umum yang diadakan dengan rakyat di Kampung Mentuan beliau berkata walaupun sebatang tiang sahaja jambatan itu tetap dibina dalam tahun 1957 nanti. Dan mengikut keputusan mesyuarat Belanjawan

48 *Suara Islam*, Mei, 1957.

49 *Suara Islam*, Mac 1958.

50 *Laporan mengenai perjalanan Kerajaan PAS Kelantan*.

51 Temuramah dengan Ustaz Khaidir Khatib.

52 Temuramah dengan Dato' Asri bin Haji Muda

53 Temuramah dengan Amalluddin Darus.

54 *Mingguan Pedoman* 28 Julai, 1956, ms. 1.

Negeri pada akhir 1955 yang lalu telah diuntukkan wang sebanyak \$20,000 bagi membuat jambatan dan peruntukkan akan ditambah dalam anggaran tahun 1956 supaya mencukupi. Tetapi malangnya pada masa yang akhir dikatakan wang peruntukkan itu telah dipinjamkan kepada pembayaran elaun Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Negeri pada masa itu yang tidak kurang \$500 tiap-tiap seorang. Ini menunjukkan pemimpin-pemimpin itu lebih menjaga kepentingan sendiri dari kepentingan rakyat seluruhnya.⁵⁵

Inilah merupakan kesilapan pemimpin UMNO yang telah menawarkan kepercayaan rakyat terhadap UMNO dan mungkin kerana kesilapan dan janji-janji kosong yang dibuat oleh UMNO membuatkan penyokong UMNO mula mengubahkan haluan mereka dan tidak mahu lagi menyokong pemimpin-pemimpin yang dulunya mereka harapkan. Ini merupakan peluang baik bagi PAS untuk menarik penyokong-penyokong. Pernah dikatakan "mungkin kerana kelemahan peribadi pemimpin-pemimpin UMNO sendiri telah memberi kesempatan kepada pemimpin-pemimpin PAS untuk mempengaruhi rakyat Kelantan."⁵⁶ Bukti dari keadaan ini dapat kita lihat dimana,

UMNO bahagian Pasir Mas Kelantan sekarang adalah menghadapi krisis yang paling hebat sekali kerana adanya pertelingkahan diantara beberapa orang ahli Jawatankuasa bahagian itu dengan Pengerusinya Yang Berhormat Incik Yaacob Haji Awang, akibatnya beberapa orang ahli Jawatankuasa bahagian itu meletakkan jawatan dan masing-masing kemudian memasuki PAS.⁵⁷

Petikan ini merupakan satu peristiwa yang membawa gambaran kekacuhan yang berlaku dalam UMNO yang akhirnya menguntungkan PAS. Walau bagaimanapun peristiwa ini adalah merupakan keadaan yang berlaku dalam mana-mana parti politik termasuk juga PAS. Tetapi masalah ini merupakan keadaan yang nyata yang telah membawa kepada kejayaan PAS tahun 1959, yang pernah dikatakan sebagai satu kejayaan yang terlalu awal kepada rakyat kerana PAS tidak mempunyai kesempatan mengatur dan memberi pengalaman politik yang sepenuhnya kepada rakyat.⁵⁸ Walau bagaimanapun apa yang penting disini ialah PAS telah berjaya memenangi hati rakyat diatas landasan kekecewaan dan kegagalan pihak UMNO sendiri. Issue-issue kegagalan pemimpin UMNO ini merupakan issue penting dalam kempen-kempen yang dengan senang telah berjaya memenangi hati rakyat kerana rakyat sendiri mengalami akibat-akibat kecurangan pemimpin-pemimpin ini. Dengan kejayaan PAS dalam Pilihanraya 1959 ini, usaha-usaha PAS untuk meluaskan pengaruh telah dipergiatkan lagi dimana PAS juga telah bekerja sama dengan parti-parti lain. Misalnya, "satu usaha bersama antara pemimpin-pemimpin Parti Rakyat dengan pemimpin-pemimpin PAS untuk menubuhkan ranting-ranting dan mencari ahli baru bagi kedua-dua parti telah dijalankan dengan giatnya di Pasir Mas Kelantan."⁵⁹ Ini merupakan salah satu usaha kearah kemenangan PAS walaupun ia tidak sepenting usaha-usaha lain.

Selain daripada itu satu lagi perkara yang boleh dijadikan faktor yang turut membawa kemenangan pada PAS ialah mengenai masalah tanah di Kelantan.

⁵⁵*Mingguan Pedoman*, 1 Sept., 1956, ms. 4.

⁵⁶Temuramah dengan Ustaz Salehuddin Abdullah.

⁵⁷*Mingguan Pedoman*, 29 Disember 1959, h. 17.

⁵⁸Temuramah dengan Senator Amalluddin Darus.

⁵⁹*Mingguan Pedoman*, 12 Januari 1957.

Dalam hal ini ramai penduduk Kelantan yang tidak mempunyai tanah dan kalau pun ada, hanyalah terlalu sedikit. Akibat daripada keadaan ini setelah UMNO berjaya 1955, rakyat mengharapkan agar masalah tanah yang mereka alami ini akan dapat diatasi oleh kerajaan Perikatan dengan menjalankan dasar pembahagian tanah kepada rakyat. Walau bagaimanapun keadaan ini tidak berlaku. Bukti keadaan ini dapat kita lihat dari suara yang pernah dilahirkan dalam Sunday Mail 17 April 1962 dimana kegagalan UMNO dalam Pilihanraya 1959 adalah kerana Perikatan tidak dapat memberi tanah kepada mereka yang tidak memiliki tanah di Kelantan. Dan mungkin kegagalan ini merupakan satu perkara sensitif bagi rakyat Kelantan yang menyebabkan rakyat hilang kepercayaan terhadap kepimpinan UMNO. Sementara itu Kessler pula mengulas kemenangan PAS sebagai,

The PMIP victory in Kelantan and its success in retaining control of the state there after, betokened the revival and coalescence of those two earlier variants of Malay nationalism—the Islamic and the populist or radical nationalist—which had historically preceded the elitist, administrative variant now employing the UMNO as the vehicle of its political ascendancy. The PMIP successes in Kelantan signalled the challenge of those revived and recognized forces to the UMNO's claims to be the sole embodiment of the only effective protector of their popular interests.⁶⁰

Selain daripada melihat faktor kemenangan PAS yang dilihat dari aspek kegagalan parti UMNO sebagai parti lawan kita perlu juga melihat secara mendalam disegi sokongan yang diterima oleh PAS sendiri sebagai satu faktor penting yang membawa kejayaan PAS.

Sokongan Masyarakat Kelantan Terhadap PAS

PAS mendapat sokongan yang begitu menggalakkan daripada masyarakat Kelantan ialah kerana terdapat satu pertalian diantara ideologi yang dibawa oleh PAS sendiri dengan keadaan sosio-politik masyarakat Kelantan pada masa itu. Kita dapati "tendency-tendency jiwa rakyat Kelantan berkaitan dengan sosio-politik masyarakat Kelantan pada masa itu adalah merupakan satu faktor perkembangan PAS."⁶¹ Keadaan ini ditegaskan lagi bahawa jiwa keIslaman yang sudah sedia ada tersemat pada masyarakat Kelantan adalah merupakan satu tapak yang sudah tersedia bagi pertumbuhan pokok PAS yang berideologikan Islam.⁶² Malah jiwa mereka tersemat dengan pengertian Islam sebagai "cara hidup" yang meliputi seluruh aspek penghidupan mereka. Keadaan ini wujud adalah disebabkan pengaruh keIslaman yang lahir dari sistem pendidikan Islam yang telah lama bertumbuh dan bertapak di Kelantan. Sebelum Perang Dunia Kedua lagi Kelantan lagi dikenali oleh masyarakat Melayu di Tanah Melayu sebagai pusat pendidikan Islam. Hasil dari sistem pendidikan yang wujud di Kelantan ini telah melahirkan ramai gulungan-gulungan ulama yang mempunyai pendirian ugama yang teguh. Bukti dari keadaan ini ialah kita dapati kesedaran yang pertama terhadap PAS adalah dari gulungan ulama-ulama yang terdiri dari guru-guru sekolah pondok dan ulama dikampung-kampung. Bagi ulama-ulama ini berpolitik adalah merupakan

⁶⁰ Clive S. Kessler, *Ibid.*, h. 274.

⁶¹ Temuramah dengan Dato' Asri Haji Muda.

⁶² Temuramah dengan Dato' Ishak Lotfi Haji Omar di Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan pada 22 Mei 1974.

kerja-kerja kebajikan yang diperintahkan oleh Tuhan. Dari keadaan ini maka dengan senang sahaja PAS memperolehi penyokong-penyokong terutama dari ulama-ulama ini, yang sememangnya menerima perinsip-perinsip yang dibawa oleh PAS. Jadi tidak hairanlah mengapa gulungan ini turut bergiat dalam PAS lantaran keIslaman yang dibawa oleh PAS bersesuaian dengan jiwa dan pembawaan mereka sendiri sebagai ulama dan guru-guru agama yang mengembangkan pengajaran Islam kepada masyarakat. Gulungan ulama dan guru-guru pondok ini pula merupakan,

golongan yang berpengaruh dalam masyarakat yang mendapat sanjungan, dar apa-apa sahaja pandangan dan pendapat yang dibuat oleh ulama ini dengan senang sahaja diterima oleh masyarakat Kelantan. Kemunculan sekolah-sekolah pondok disegenap sudut negeri ini menunjukkan bahawa peranan ulama pondok itu berkesan sekali. Masyarakat Melayu dan orang-orang Islam di Siam dan Kemboja menganggap negeri Kelantan sebagai Serambi Mekah.⁶³

Ini semua merupakan satu keadaan yang nyata mengapa masyarakat di Kelantan boleh dikatakan hidup dalam suasana dan jiwa keIslaman yang kukuh dimasa itu. Kepentingan gulungan ulama dan guru-guru pondok ini dapat kita lihat terutama dikalangan masyarakat Melayu dikampung-kampung dimana disegi penghidupan masih tradisional, jadi bagi mereka gulungan ini merupakan gulungan yang harus dihormati dan diutamakan dalam penghidupan mereka sehari-hari.

Dari keadaan ini dapat kita hubungkan dengan perjuangan PAS itu sendiri yang dikatakan sebagai pergerakan massa seluruhnya yang meliputi seluruh gulungan di Kelantan.⁶⁴ Dari keadaan ini maka tidak hairanlah mengapa PAS mendapat sokongan dari gulungan yang berpendidikan dan gulungan petani-petani di kampung yang mempunyai pegangan agama yang kuat.

Lahirnya keistimewaan ini juga dapat kita kaitkan dengan ciri masyarakat Kelantan terutama dikampung-kampung yang meletakkan agama sebagai lambang hidup dan perpaduan mereka. Oleh kerana itu hal-hal yang berkaitan dengan agama cepat sekali meresap dijiwa mereka dan senang sekali diterima oleh rakyat tanpa banyak dipertimbangkan lagi. Selain daripada itu salah satu fenomena penting disini ialah "menentang pendapat dan ajaran ulama adalah suatu perkara yang kacau dan menyesatkan."⁶⁵ Gambaran ini menjelaskan di mana kadang-kadang terdapat mereka yang terlalu fanatik terhadap agama tanpa membuat pertimbangan yang sewajarnya kepada sesuatu keadaan yang kadang-kadang sepatutnya dipertimbangkan.

Di samping itu dapat juga dikatakan bahawa gulungan yang mendapat pendidikan agama itu telah memang sejak awal bergiat dan memainkan peranan penting dalam pergerakan politik tanahair. Pernah ditegaskan 'bahawa kesedaran kebangsaan bagi orang-orang Melayu mula-mula sekali timbul didalam dada

⁶³ Abdul Rashid bin Haji Ahmad, "Kedudukan Pondok dalam Masyarakat—Kelantan," Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1966, h. 39.

⁶⁴ Temuramah dengan Dato' Asri Haji Muda ditempat dan masa yang sama.

⁶⁵ Abdul Rashid bin Haji Ahmad, *Loc. Cit.*

gulangan intelek yang berpendidikan agama'.⁶⁶ Namun kebenaran ini tidak dapat diterima sepenuhnya bagi Kelantan. Di Kelantan, "sungguh pun sudah ada kesedaran kebangsaan Melayu di kalangan gulungan guru-guru dan murid-murid sekolah pondok sejak tahun dua puluhan lagi, penyertaan gulungan ini, khususnya di Kelantan, dengan penuh minat dalam politik adalah bermula dengan tertubuhnya PAS."⁶⁷

*In its formative period, the PMIP relied heavily upon the support of students and teachers in the religious pondok schools, where young Malays are instructed in the religious tenets of Islam.*⁶⁸

Dalam kritik-kritik yang dilemparkan kepada PAS dikatakan,

*Muslim religious leaders and imams used the mosques to propagate the political view of the PMIP and were using zakat and tax money to promote the program of PMIP, despite rules prohibiting such activities.*⁶⁹

Namun kenyataan ini dinafikan oleh pihak PAS. Disamping itu dikatakan juga ulama-ulama ini dengan tidak secara langsung dan terang membantu parti untuk menerangkan dasar politiknya.⁷⁰ Walau bagaimanapun dapatlah dikatakan bahawa PAS bukanlah menggunakan mereka ini sebagai alat memperkembangkan PAS, tetapi adalah kerana secara kebetulan idea-idea PAS adalah secocok dengan jiwa mereka jadi dengan rela mereka turut bergiat dalam PAS.

Untuk kita membuktikan bahawa sokongan yang diberi oleh masyarakat pada PAS adalah merupakan satu akibat dari kegiatan alim ulama ini dapat kita lihat didaerah-daerah yang terdapat banyak sekolah-sekolah pondok dan guru-guru agama, maka disitulah merupakan kubu PAS. Keadaan ini kita dapati di Pasir Mas yang dikatakan sebagai,

*widely known as one of the strong holds of the Pan Malayan Islamic Party. While there is indeed, one sub-district where this party has in the past the support of over 90% of population.*⁷¹

Bukti yang menunjukkan bahawa Pasir Mas merupakan kubu PAS di Kelantan dapat kita lihat dari penyata yang dihantar dari Pejabat Agung PAS di Kepala Batas kepada Tuan "Assistance Registrar of Society" di Penang yang menunjukkan bilangan ahli PAS Kelantan yang didaftarkan hingga December 1955 ialah: Kota Bharu 187, Pasir Mas 403, Tanah Merah 28, Pasir Puteh 79 dan Macang 50 orang. Keadaan ini menunjukkan bahawa bilangan ahli yang ramai sekali ialah di Pasir Mas. Akibatnya dalam Pilihanraya 1959, UMNO menerima kekalahan teruk di Pasir Mas dimana daripada 2 kerusi diperingkat Parlimen dan 6

⁶⁶ Mohd. Taib Osman, *An Introduction to the development of Modern Language and Literature*, Eastern Univ. Press. Ltd., 7.

⁶⁷ Abdul Rashid bin Haji Ahmad, *Loc. Cit.*

⁶⁸ G.P. Means, *Malaysia Politics*, Univ. of London Press, 1970, h. 226.

⁶⁹ *Ibid.*

⁷⁰ K.J. Ratnam, "Parties and Pressure Groups" dalam Wang Gung Wu, *Malaysia, A Survey*, Pall Mall Press, London, h. 336.

⁷¹ Robert L. Wizeler, "The Sosial Organization of Islam in Kelantan," Roff W.R. (ed.), dalam *Kelantan, Religion, Society and Politics in a Malay State*, Oxford Univ. Press. KL., 1974, h. 260.

diperingkat negeri tidak sebuah kerusi pun dimenagni oleh UMNO sementara seorang calon UMNO telah hilang wang pertaruhan.⁷² Keadaan ini merupakan satu gambaran nyata bahawa PAS telah berjaya mendapat sokongan yang menggalakkan dikawasan-kawasan yang banyak terdapat sekolah-sekolah pondok kerana dikawasan inilah tertumpunya ulama-ulama yang bergiat cergas yang kebanyakan daripada mereka adalah penyokong-penyokong PAS. Gambaran ini dijelaskan lagi dengan satu kenyataan,

ulama-ulama dalam jajahan Pasir Mas dalam satu perjumpaan baru-baru ini telah bersetuju memberi sokongan penuh kepada PAS. Perjumpaan ini telah diadakan di Madrasah Haji Encik Man dimana kira-kira 30 orang alim ulama hadir dan mereka berpendapat PAS tidak bermusuhan dengan mana-mana parti pun tetapi memperjuangkan tuntutan kemerdekaan.⁷³

Dari kenyataan ini maka tidak hairanlah mengapa PAS mendapat sokongan yang menggalakkan di Pasir Mas dan seluruh Kelantan.

Selain daripada itu dalam konteks ini sokongan terhadap PAS juga diperolehi dalam keadaan dimana masyarakat Kelantan sesudah pemerintahan kolonial telah dimasuki oleh parti-parti politik modern melalui persatuan elite di Kelantan. Selepas kemerdekaan sehingga tahun 1959, politik Kelantan adalah berpusat kepada kekuatan PAS untuk merebut dan memegang kuasa dalam negeri. Keadaan ini mencetuskan satu finomina baru kalau dibandingkan dengan keadaan pemerintahan Kelantan yang dulunya dikuasai oleh golongan aristokrat. Tapi satu keadaan baru telah muncul dimana golongan-golongan yang bukan aristokrat telah mulai muncul untuk memerintah negeri. Kelahiran PAS adalah merupakan satu pengembangan diantara golongan elite dikampung dan elite dibandar diperingkat nasional dalam negeri itu. Keadaan ini telah melahirkan satu kebimbangan dikalangan golongan Aristokrat kalau-kalau akan wujud satu pertandingan diantara golongan bangsawan dengan golongan politik yang baru muncul untuk menguasai negeri Kelantan. Demi menjaga kepentingan mereka golongan bangsawan telah turut tertarik kepada PAS, dengan harapan melalui PAS mereka akan terus mendapat sokongan daripada rakyat yang telah menyokong PAS. Akibatnya telah menambahkan lagi sokongan rakyat Kelantan kepada PAS lebih-lebih lagi bila golongan bangsawan juga turut memberi sokongan kepada PAS. Golongan elite tradisional ini merupakan golongan yang berpengaruh dalam masyarakat Kelantan, disamping memainkan peranan penting dalam hal ehwal pentadbiran Kelantan.

Selain daripada mendapat sokongan daripada ulama-ulama, dibelakang ulama ini terdapat sekumpulan kecil golongan radikal dari nasionalis Melayu yang dulunya merupakan ahli KMM yang telah menumpukan perhatian mereka kepada perkembangan parti Islam di Indonesia yang telah mempengaruhi pejuang-pejuang nasional disini yang turut melahirkan idea-idea perjuangan yang sama di Tanah Melayu. Selain daripada itu golongan-golongan ulama dan kumpulan radikal ini juga telah mendapat sokongan daripada golongan intelek-intelek di Kelantan yang turut sama bersimpati dengan perjuangan PAS. Di sini menggambarkan kepada kita bahawa perjuangan PAS di Kelantan mendapat sokongan dari banyak

⁷² Abdul Rashid bin Haji Ahmad, *Op. cit.*, h. 76.

⁷³ *Utusan Melayu*, 7 Julai 1959.

gulungan masyarakat di Kelantan. Keadaan ini telah menambahkan lagi kegiatan perkembangan PAS disitu.

Satu fenomena baru yang kita dapati wujud di Kelantan ialah selepas kemenangan Perikatan dalam Pilihanraya 1955 telah juga menamatkan perjuangan Parti Negara. Dalam keadaan ini didapati elite-elite tradisional yang setengah daripadanya dulu pernah menyokong Parti Negara kini mempunyai tiga pilihan, pertama berhenti dari memasuki mana-mana parti politik, kedua mencuba untuk menghidupkan balik Parti Negara, ataupun pilihan yang ketiga ialah cuba mencari dan memasuki satu parti yang akan menjadi alat bagi mereka terus memimpin negara, Dalam hal ini mereka memilih PAS, yang dimasa itu adalah sebuah parti yang mendapat sokongan dari masyarakat Kelantan. Dan sebagai satu jalan mereka juga turut aktif dalam PAS dengan turut menyebarkan idea-idea parti kepada rakyat disamping untuk mengukuhkan pimpinan mereka dikalangan masyarakat Kelantan. Dengan kemenangan UMNO 1955 proses memperkembangkan PAS terus diperhebatkan lagi dengan menambahkan lagi sokongan rakyat terhadap parti dengan cara mengeratkan lagi hubungan diantara elite-elite tradisional dikampung-kampung dengan masyarakat. Kemenangan PAS dalam tahun 1959 dan penolakan terhadap parti UMNO oleh masyarakat telah memberi harapan gulungan aristokrat untuk mengganti balik kepopularan ketua-ketua tradisional dalam masyarakat kampung, seperti ketua kampung, imam, guru-guru agama dan ulama-ulama dalam kampung yang mana mereka ini telah mendapat penghormatan dari masyarakat petani di Kelantan. Ketua-ketua kampung yang tinggal dikalangan gulungan-gulungan petani ini sama-sama merasakan akan cabaran dari kerajaan Perikatan masa itu terhadap hak-hak mereka.

Mereka ini turut membentangkan keburukan-keburukan Perikatan sebelum Pilihanraya berjalan terutama dari kempen-kempen tidak rasmi. Ini merupakan satu fenomena lagi mengapa PAS mendapat kejayaan di Kelantan. Keadaan inilah merupakan tendency-tendency yang wujud di Kelantan yang boleh dikatakan merupakan faktor-faktor yang utama mengapa PAS berjaya bertempat dihati rakyat Kelantan kalau dibandingkan dengan dinegeri-negeri lain. Tendency ini adalah merupakan satu keadaan yang wujud di Kelantan dimasa itu dimana ianya bersesuaian dengan kemunculan PAS.

Kesimpulan

Setelah kita melihat secara menyeluruh tentang perkembangan PAS di Kelantan dari 1953-1959 maka dapatlah kita membuat penilaian tertentu akan perkembangan parti ini serta kondisi-kondisi yang wujud dalam perkembangannya yang telah membawa kejayaan yang besar pada parti ini di Kelantan. PAS telah memulakan perjuangannya dari keadaan awal yang serba dhaif dan menghadapi berbagai-bagai masalah dan rintangan dalam perkembangannya. Lebih-lebih lagi dimasa kemunculan PAS yang telah berhadapan dengan parti UMNO sendiri yang sudah beberapa tahun telahpun stabil, dan telah mendapat kepercayaan rakyat dengan issue kemerdekaan yang diperjuangkan oleh UMNO dalam tahun 1950an, yang merupakan issue yang juga bertiup disetiap jiwa rakyat pada masa itu. Namun demikian dengan usaha-usaha pemimpin dalam memperkenalkan ideologi PAS kepada rakyat Kelantan, PAS telah berjaya menembusi kubu pertahanan UMNO

dalam jangka masa tujuh tahun dari penubuhannya. Keadaan ini membayangkan kepada kita betapa PAS telah berkembang dengan pesatnya dari tahun ketahun yang bermula dari sebuah cawangan telah membawa kepada bertambah beberapa cawangan-cawangan lain diseluruh Kelantan. PAS telah berani berjuang dengan sungguh-sungguh dalam arena politik tanahair khususnya di Kelantan. Ini dapat kita lihat iaitu walaupun dalam keadaan yang serba kekurangan diperingkat awalnya PAS telah cuba masuk bertanding dalam Pilihanraya 1955, yang membawa kegagalan.

Walau bagaimanapun kekalahan PAS ini tidak melemahkan semangat perjuangan pemimpinnya untuk terus berjuang, untuk terus memperkembangkan PAS supaya menduduki ketaraf yang lebih tinggi, walaupun pada mulanya mungkin pemimpin-pemimpin itu masih belum mempunyai cita-cita untuk menjadikan PAS sebagai sebuah parti yang akan memerintah Kelantan. Walau bagaimanapun kenyataan telah menggambarkan kepada umum bahawa usaha-usaha gigih ditambah dengan sokongan-sokongan yang diterima dari masyarakat Kelantan telah mencipta sejarah baru yang tidak diduga dengan kemenangan PAS dalam Pilihanraya 1959. Kejayaan ini telah meletakkan PAS kesatu puncak kejayaan yang membanggakan bagi perkembangan PAS di Kelantan. Kessler dalam membuat kesimpulan tentang kemenangan PAS tahun 1959 telah menekankan bahawa PAS telah menggambarkan penghidupan Islam dan nasionalis Melayu di Kelantan, yang telah bekerja dan mengembangkan PAS dikalangan masyarakat Kelantan melalui elite-elite dikampung-kampung dimana kedudukan mereka telah diancam oleh alat-alat politik baru yang dulunya berpusat pada UMNO, yang secara terang-terang telah menunjukkan kecurangan kepada masyarakat Kelantan masa itu. Kecurangan pihak UMNO disini telah menjadi satu penggerak utama mengapa PAS pula mendapat sokongan yang hebat lantaran rakyat telah mula merasa hampa dengan pemimpin yang dipilih mereka dulu, dan akibatnya mereka telah mengalih pandangan mencari satu sandaran baru dalam perjuangan politik mereka dan untuk ini PAS adalah merupakan tempat baqi mereka untuk terus berjuang dalam perjuangan politik tanahair.